



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 15 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

15/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	BULAN KELUARGA KEBANGSAAN, KPWK SASAR 5 RIBU PESERTA	
	https://www.youtube.com/watch?v=08KW3i6_464	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	500 PELAJAR B40 PONTIAN TERIMA BANTUAN YBR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/500-pelajar-b40-pontian-terima-bantuan-ybr/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	EXCO: SELANGOR NEGERI CONTOH PERKASA HAK KANAK-KANAK	
	https://selangorkini.my/2023/10/exco-selangor-negeri-contoh-perkasa-hak-kanak-kanak/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	IGNITING YOUTH'S PASSION FOR SOCIAL WORK	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/14/igniting-youths-passion-for-social-work	THESTAR.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/10/pengalaman-silam-bantu-merdekakan-wanita/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

15/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ISU KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK SEMAKIN MENINGKAT	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164938/isu-kesihatan-mental-kanak-kanak-semakin-meningkat	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019937/424000-kanak-kanak-negara-ini-alami-isu-kesihatan-mental	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-424000-kanak-kanak-alami-masalah-kesihatan-mental-tahun-lalu/	BULETINTV3.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/14/424000-kanak-kanak-alami-masalah-kesihatan-mental/	KOSMO.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71099-masalah-kesihatan-mental-kanak-kanak-meningkat	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MORE NEEDED FOR OKU	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/14/more-needed-for-oku	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PERKASAKAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN WARGA EMAS	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1164878/perkasakan-perkhidmatan-penjagaan-warga-emas	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA MAUT, ADIK PARAH DALAM NAHAS DUA KENDERAAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/14/wanita-maut-adik-parah-dalam-nahas-dua-kenderaan/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BUANG BAYI TEPI LADANG GETAH, DUA DITAHAN BANTU SIASATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020138/buang-bayi-tepi-ladang-getah-dua-ditahan-bantu-siasatan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bayi-perempuan-ditinggalkan-dekat-ladang-getah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165166/bayi-perempuan-ditemui-di-atas-jalan-masih-hidup	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-dipercayai-baru-lahir-ditinggalkan-dalam-bakul-dengan-kesan-darah-polis/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	TIGA WANITA SELAMAT, DUA RUMAH MUSNAH TERBAKAR	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/14/tiga-wanita-selamat-dua-rumah-musnah-terbakar	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KANAK-KANAK 2 TAHUN MENINGGAL DUNIA DIPERCAYAI AKIBAT DIDERA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kanak-kanak-2-tahun-meninggal-dunia-dipercayai-akibat-didera/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165160/kanak-kanak-maut-tiga-suspek-ditahan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020135/budak-dua-tahun-maut-dengan-kesan-lebam-melecur-ketika-dijaga-anak-jiiran	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=Qn_XE-Og8HY	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2023/10/14/tiga-sekeluarga-ditahan-bantu-siasatan-kematian-kanak-kanak-dua-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://tvstv.my/2023/10/14/kanak-kanak-lelaki-maut-dipercayai-didera/	TVSTV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

15/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	NEGERI PERKENAL PELBAGAI INISIATIF, TANGANI MASALAH BERKAIT KANAK-KANAK	
	https://selangorkini.my/2023/10/negeri-perkenal-pelbagai-inisiatif-tangani-masalah-berkait-kanak-kanak/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	SOSHF BANTU BIYAI PEMBEDAHAN KANAK-KANAK PESAKIT JANTUNG	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/14/soshf-bantu-biyai-pembedahan-kanak-kanak-pesakit-jantung	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WARGA EMAS MAUT KETIKA BERBASIKAL SEORANG DIRI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/14/warga-emas-maut-ketika-berbasikal-seorang-diri/	KOSMO.COM.MY
	https://malysiagazette.com/2023/10/14/warga-emas-maut-jatuh-basikal/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	IBU TUNGGAL PUJUK ANAK MINUM TEH, AIR SUAM GANTI SUSU	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ibu-tunggal-pujuk-anak-minum-teh-air-suam-ganti-susu/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020062/pujuk-anak-minum-teh-o-dan-air-suam-akibat-tiada-wang	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=g4-Bm1qWnAw	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

15/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BAYI 2 BULAN MAUT, POLIS TAHAN PENGASUH	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165095/bayi-2-bulan-maut-polis-tahan-pengasuh	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditahan-susulan-kematian-bayi-perempaun-berusia-2-bulan/	BULETINTV3.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/14/pengasuh-disyaki-cuai-sehingga-menyebabkan-kematian-bayi-ditahan-polis/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/baru-dua-hari-hantar-ke-taska-bayi-dua-bulan-maut-441789	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/629326/berita/semasa/baru-dua-hari-hantar-ke-taska-bayi-dua-bulan-maut	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/baru-dua-hari-hantar-taska-bayi-dua-bulan-maut-dipercayai-pengasuh-cuai-x8otgmk	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=tl_6jKL4dsg	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/keterangan-pengasuh-diambil-berhubung-kematian-bayi-dua-bulan-di-taska/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/14/bayi-meninggal-dunia-polis-tahan-pengasuh-taska/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235088	BERNAMA.COM
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/71136-bayi-maut-polis-tahan-pengasuh-taska-warga-asing	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/kematian-kanak-kanak-lelaki-pasangan-warga-emas-dan-anak-lelaki-ditangkap/	BULETINTV3.MY



TAJUK : BAYI 2 BULAN MAUT, POLIS TAHAN PENGASUH TASKA

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi 2 bulan maut, polis tahan pengasuh TASKA

Kuala Lumpur: Polis menahan seorang wanita berikutan kematian seorang bayi perempuan berusia dua bulan di sebuah TASKA di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selasa lalu.

Wanita berusia lewat 40-an yang juga pengasuh bayi malang itu ditahan selepas dipanggil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya, jam 3 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid, berkata pengasuh yang juga warga asing dan berkahwin dengan penduduk tempatan itu kemudian dibebaskan dengan jaminan polis.

"Siasatan kes dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 atas kesalahan babitkan penganiayaan, pengabaian dan pembuangan atau pendedahan kanak-kanak.

"Pada masa ini pihak polis masih menunggu laporan penuh hasil bedah siasat yang dijalankan terhadap bayi berkenaan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mohamad Fakhruddin meminta orang ramai memberi ruang kepada polis menjalankan siasatan lanjut kes kematian bayi di sebuah TASKA di Kota Damansara, Selasa lalu.
(Foto ihsan keluarga)



Mohamad Fakhruddin berkata, beliau meminta orang ramai memberikan ruang kepada polis menjalankan siasatan lanjut sebelum tindakan susulan diambil.

"Beri kami masa untuk melengkapkan siasatan," katanya.

Kejadian berlaku pada hari kedua mangsa Qaseh Aulia Faizul dihantar ke sebuah TASKA di Seksyen 6, Kota Damansara.

Bapa mangsa Faizul Ali Adam berkata, dia menerima panggilan daripada pihak TASKA memberitahu anaknya tidak sedarkan

diri dengan muka pucat kebiruan sebelum dibawa ke sebuah hospital di Kota Damansara.

Sebaik tiba di hospital, Faizal dimaklumkan anaknya sudah meninggal dunia dan jenazahnya dirujuk ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi proses bedah siasat.

Faizal kemudian membuat laporan polis selepas melihat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di TASKA itu dan mendapati ada unsur kecuaiannya pengasuh berkenaan ketika menjaga anaknya yang dalam keadaan dibedung.



TAJUK : 'MACAM MANA NAK BERITAHU KAMU SEMUA DAH TIADA'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

"**D**ik, Dollah (Abdullah) sudah mula tanya pasal kau anak beranak. Dia dah mula kata nak balik Kemedak (tempat arwah ibunya mengajar), jadi aku diam sahajalah," demikian luahan Mohd Hairul Nor Muhammad.

Mohd Hairul, 54, berkata, kini dia menjadi serba-salah untuk menceritakan kejadian sebenar kepada anak saudaranya itu, Abdullah Amir Ruddin, 15.

Mohd Hairul yang juga abang kepada arwah ibu Abdullah dan meluahkan perasaan itu ketika meniarahi pusara enam beranak itu di Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Ubuddiah Parit Limbong di sini, yang kemudiannya dikongsinya di aplikasi Tik-Tok.

Menerusi perkongsian itu, Mohd Hairul menjelaskan anak saudaranya yang terselamat dalam kemalangan tragis itu seolah-olah tidak sabar untuk berjumpa dengan ibu bapanya serta adik-beradiknya yang lain.

Ini kerana, sehingga kini Abdullah belum mengetahui ibu bapanya serta empat adik dan kakaknya sudah meninggal dunia.

"Abang cuma risau dik (Allahyarham Noorahimah), andai kata Dollah dah sihat esok, abang dah

SUSULAN ENAM BERANAK MAUT

'MACAM MANA NAK BERITAHU KAMU SEMUA DAH TIADA'



LAPORAN Harian Metro, 3 September lalu.

janji dengan dia nak bawa jumpa kau dan ambil adik-beradik.

"Kau bayangkanlah tiba-tiba dia sihat, abang bawa dia pergi kubur. Dah memang hak dia, dia tak tau, jadi macam mana aku nak cakap pada dia, kau semua dah tak ada," katanya dalam keadaan suara teresak-esak.

Sementara itu, Mohd Hairul juga 'memberitahu' perkembangan terkini Ab-

dullah yang semakin pulih serta sudah pandai bergurau.

Menurutnya, Abdullah juga boleh mengikutinya membaca surah lazim berbanding sebelum ini hanya mampu mendengar.

"Ima, Amir (Amir Ruddin)...Alhamdulillah abang tengok Aman (Abdur Rahman) jaga adik dia cukup bagus, cuma biasalah anak muda ini telefon tak lejang di tangan, meletak-

kan keutamaan itu perlu dibimbing lagi.

"Abang cuma minta maaf pada kau orang kerana ada ketika abang terpaksa bertegas, bukan apa abang nak siapkan benda yang lebih besar selepas ini.

"Abdullah sudah makin pulih cuma dia tak boleh terluhi gembira sangat nanti dia penat, kalau penat malam dia tak boleh tidur. Kadang-kala tidur meracau.

"Abang juga minta maaf sebab beberapa hari tak datang. Bukan sebab apa, abang tak lupa...sentiasa ingat cuma terlewat sebab tu kadang-kadang tak sempat.

"Bukan abang ambil kesempatan tetapi memang ini kehendak orang ramai minta update (perkembangan terkini), kalau boleh tiap-tiap hari dia orang nak tahu tentang kau anak-beranak," katanya.

Pada masa sama, dia memberitahu tidak sukar menjaga Abdur Rahman dan Abdullah yang mana

ketika ini, mereka sekeluarga sedang menumpukan perhatian terhadap dua beradik itu.

"Kami nak kebajikan anak-anak kau terjaga, abang tak nak nanti Allah tanya abang (pasal tanggungjawab). Dik, itu sahajalah nanti abang datang lagi, abang doakan kau semua bahagia kat sana. Nanti tolong doakan abang juga," katanya.

Tragedi memilukan pada 1 September lalu meragut nyawa ibu bapa kepada dua beradik itu, Noorahimah, 43, dan Amir Ruddin Ismail, 46.

Turut terkorban adalah adik dan kakak Abdullah, iaitu Fatimatulzahrah, 17; Seri Khadijah Aqilah, 13; Rufaidatul Asyariah, 10, dan Muhammad Assyakrawi, 5.

Mereka sekeluarga dilaporkan dalam perjalanan dari Kluang ke Segamat untuk menghantar Noorahimah yang bertugas sebagai guru Sekolah Agama Kemedak sebelum terbabit




Kau bayangkanlah tiba-tiba dia sihat, abang bawa dia pergi kubur. Dah memang hak dia, dia tak tau, jadi macam mana aku nak cakap pada dia, kau semua dah tak ada"

Mohd Hairul

dalam kemalangan mem-babitkan lima kenderaan di Kilometer 5 Jalan Segamat-Kuantan dekat Segamat.

Tujuh beranak itu menaiki Perodua Alza dan pada hari kejadian, hanya Abdur Rahman tidak ikut bersama kerana ada urusan lain.



TAJUK : 424,000 BUDAK TERKESAN!

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KESIHATAN MENTAL

424,000 BUDAK TERKESAN!

Oleh Ahmad Ismail
am@hmetro.com.my

Segamat

Seramai 424,000 orang kanak-kanak di negara ini dikesan mengalami isu kesihatan mental sepanjang tahun lalu.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, angka itu berdasarkan laporan National Health and Morbidity Survey (NHMS) yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Trend ini dilihat semakin meningkat selepas pasca Covid-19.

"KKM memang meneliti dan mengambil berat perkara ini selain melakukan beberapa intervensi serta kerjasama dengan agensi lain khususnya berkaitan kanak-kanak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"KKM juga ambil pendekatan turun padang dan memberi pendedahan mengenai kesihatan mental ini dan bagaimana pen-

tingnya masyarakat perlu mengambil perhatian serta bekerjasama membantu mengatasi masalah itu," katanya.


Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan Program Karnival Segamat Sihat sempena Hari Sukan Negara, Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Kesedaran Kanser Peringkat Daerah Segamat di Dataran Segamat di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, antara faktor menyebabkan ramai

kanak-kanak mengalami isu kesihatan mental disebabkan kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa atau penjaga.

"Pelbagai permasalahan kita diberitahu khususnya kanak-kanak yang duduk dalam keluarga B40 dengan ibu bapa terpaksa keluar bekerja, mereka ditinggalkan di rumah.

"Terdapat juga faktor daripada sudut ke arah remaja seperti masalah perhubungan dan sebagainya," katanya.



TAJUK : BERI ANAK MINUM TEH O, AIR SUAM GANTI SUSU

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Johor Bahru: "Saya pujuk anak minum teh O dan air suam ketika terputus bekalan susu hampir seminggu lalu," kata ibu tunggal, Siti Nurfarahim Abdullah, 29, di Flat di Taman Pulaui di Skudai di sini.

Menurutnya, sejak sebelum lalu dia hanya bergantung kepada upah harian RM10 dengan membantu rakan melakukan kerja kelim karipap di rumah.

Katanya, sebelum ini dia membantu sepupu memasak tempahan juadah sarapan dengan menerima upah harian antara RM40 hingga RM50.

Bagaimanapun, selepas sepupu berhenti berniaga menjual makanan, dia kehilangan sumber pendapatan sebelum menerima tawaran kerja sambilan dengan kelim karipap.

"Buat masa ini, saya tidak dapat keluar bekerja kerana perlu jaga tiga anak berusia tiga hingga lima tahun dan saya luangkan

IBU TUNGGAL HIDUP KESEMPITAN

Beri anak minum teh O, air suam ganti susu



SITI Nurfarahim bersama tiga anak yang tinggal bersamanya.

masa tiga jam untuk kelim karipap pada waktu malam.

"Dengan sumber pendapatan harian ini, saya hanya mampu menampung

kos beli barangan dapur bagi kegunaan harian dan tidak mampu membayar sewa rumah RM550.

"Saya beli barang basah termasuk ikan mahupun

telur dengan kuantiti sedikit kerana bimbang duit tidak cukup.

"Sejak seminggu lalu, saya hanya bancuh teh O bagi anak selain air suam ke-

rana tiada wang beli susu," katanya yang menambah anak sulung lelaki dan anak kedua perempuan berusia 9 dan 11 tahun tinggal bersama bekas suami.

Siti Nurfarahim berkata, dia menanggung perancangan menjual karipap sejuk beku kerana kediamannya tiada kelengkapan termasuk peti ais.

Katanya, selama hampir setahun, anaknya hanya berhibur dengan telefon kerana dia masih tidak mampu beli televisyen.

"Rumah ini kosong tanpa sebarang kemudahan termasuk kerusi atau meja.

"Saya berasal dari Kelantan dan menetap di Puchong, Selangor bersama suami sebelum ini selama 12 tahun serta tiada pengalaman bekerja.

"Selepas berpisah pada Jun tahun lalu, saya berpindah ke flat ini bagi memulakan kehidupan baharu," katanya ketika mene-


rima kunjungan daripada wakil Jejak Asnaf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) Mohd Nasir Ishak dan Pengerus Besar Pasaraya Econsave Cash and Carry Mas Imran Adam.

Mas Imran berkata, pihaknya menyalurkan sumbangan barangan elektrik dan keperluan dapur bernilai RM1,200 kepada keluarga berkenaan.

"Kami harap sumbangan berkenaan mampu meringankan beban keluarga ibu tunggal itu," katanya.

Mohd Nasir berkata, pihaknya menyampaikan sejumlah bantuan segera kepada keluarga itu selain mencadangkan bantuan sara hidup serta barangan kelengkapan bagi membolehkannya wanita itu berniaga.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan di akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) miliknya di 1099541100275957.



TAJUK : WARGA EMAS DISAMBAR BUAYA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas disambar buaya

Sri Aman: Seorang lelaki warga emas disambar buaya semasa mengambil air untuk diisi ke tangki semburan racun rumpai di Sungai Skrang, pagi semalam.


Menurut jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Negeri Sarawak, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Betong bergegas ke lokasi insiden sejurus menerima panggilan jam 10.28 pagi.

“Sampai di lokasi kejadian, pasukan bomba berjalan sejauh tiga kilometer ke kawasan tebing sungai tempat mangsa dipercayai disambar reptilia itu,” katanya.

Sementara itu, isterinya berkata, Chaong Baringai, 67, mengambil air sungai bagi diisi ke dalam tangki semburan racun rumpai bagi digunakan untuk meracun padi dan sawit.

“Belum habis mengisi air ke tangki, tiba-tiba muncul buaya menyambar mangsa dan diseret ke hulu sungai,” katanya.

“Setakat jam 2 petang tadi (semalam), usaha pencarian giat dijalankan penduduk dengan pengawasan tiga pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM),” katanya.



TAJUK : 'WE WANT HEALTHY, ACTIVE CHILDREN'

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NATIONAL SPORTS DAY

'WE WANT HEALTHY, ACTIVE CHILDREN'

PM wants 3 ministries to work together to promote a healthy lifestyle among people

YILIA MARSYA ISKANDAR
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim urged for a close cross-ministerial network between the Youth and Sports, Education and Higher Education ministries to empower people in the Madani government.

He said the Madani community could develop only when people were empowered in multiple fields, including in employment, economy and health.

"A Madani nation encourages growth. If the country is not stable, investors would not come in.

"We can see this through our visit to Abu Dhabi when they gave us a spontaneous welcome. Two days ago, Geely had also invested to turn Tanjung Malim, Perak, into an automotive hub for the nation.

"This is why I always place emphasis on our country to be peaceful. But to empower a Madani nation, we want active and healthy children.

"That's why sports is an inte-

gral part in promoting a healthy lifestyle."

He said this when launching the National Sports Day at Dataran Istana Kehakiman here on Friday.

Malaysia, he added, could prosper should youth stand together in unity.

He said people wanted peace and they accepted Malaysia's multiculturalism, especially in sports.

Commenting on the 2024 Budget presented on Friday, he said some provisions requested for decades were finally given attention.

These included allocations for sports in general and sports for the disabled, as well as tax exemption.

He said this included an increase in allocation for the Rakan Muda programme to encourage more youths to be active in various fields.

Present at the launch were Youth and Sports Minister Hannah Yeoh and her deputy, Adam Adli, Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali and Inspector-General of Police



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, on the podium, launching the National Sports Day in Kuala Lumpur on Friday. With him are Youth and Sports Minister Hannah Yeoh and her deputy Adam Adli, Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali and Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

Tan Sri Razarudin Husain.

About 30,000 participants are expected to join in the 60 programmes on National Sports Day nationwide.

The event, held on the second

Saturday of October every year, promotes sports in the community.

It is also aimed at boosting public participation in sports, boosting unity and driving economic

development through the sports and recreation industry.

Anwar flagged off the Fit Malaysia events, a 5km and 10km run, and 10km and 30km cycling events.



TAJUK : CAREGIVER HELD OVER BABY'S DEATH

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

NEGLIGENCE SUSPECTED

Caregiver held over baby's death

KUALA LUMPUR: Police have detained a woman following the death of a 2-month-old baby girl at a daycare centre in Kota Damansara, Petaling Jaya, last Tuesday.

The woman, in her late 40s, was detained after being called to the Petaling Jaya district police headquarters at 3pm on Friday.

Petaling Jaya district police chief Assistant Commissioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid said the caregiver, a foreigner married to a Malaysian, was released on police bail.

"Police are waiting for the post-mortem report."

The incident occurred on the second day the victim, Qaseh Aulia Faizul, was sent to a daycare centre in Section 6, Kota Damansara.

The victim's father, Faizul Ali Adam, said he had received a call from the daycare centre, informing him that his child was unconscious with a pale and bluish face before being taken to a hospital in Kota Damansara.

Upon arriving at the hospital, Faizal was informed that his child had died, and her body was referred to the University of Malaya Medical Centre for a post-mortem.

Faizal lodged a police report after reviewing the closed-circuit television footage at the daycare centre and discovering indications of negligence by the caregiver.



Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid



TAJUK : EMPOWERING OLDER WORKERS AMID AN AGEING WORKFORCE

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 23

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Empowering older workers amid an ageing workforce

By SHARIFAH ROSE EE

MALAYSIA officially became an ageing nation in 2022, sparking intense debate about its retirement age and the role mature employees can play in a modern evolving workforce.

Yet the real debate should not be whether society needs employees to stay in the workforce longer – there are real and broad benefits in that – but how we can give that older population the skills it needs to keep working.

The United Nations classifies a nation as ageing when 7% of its population is aged 65 years and above. In 2022, Malaysia's rate jumped to 7.3%.

Malaysia's retirement age is 60 years, although the government has had to deny claims there are already plans to raise it to 65.

Despite the rumours, increasing the retirement age is not the ultimate solution to ensure the nation's financial stability, especially with the changing landscape of work.

Keeping older workers employed longer requires thinking about the way they are trained. Online learning, or e-learning, can be a key part of that.

At the onset of the Covid-19 pandemic, companies scrambled to provide online training to their staff, including those less familiar with digital technology or "digital immigrants": those born before the widespread adoption of computers and the internet who have had to adapt to digital technology later in life.

Many digital immigrants are older workers. As living costs rise and retirement savings dwindle, recruiters see more seniors trying to re-enter the workforce.



As businesses evolve, mature employees who are upskilled, reskilled and retrained can stay relevant in the workforce. — Unsplash

For many older people, this isn't just about financial necessity; it's also about passion and a commitment to staying productive and engaged beyond their retirement age.

Retaining mature employees in the workforce does not affect job opportunities for younger generations, especially given a shift towards short-term project roles and advances in digital technology. It can even be complementary, especially given that mature employees can bring experience and often unique skill sets.

Companies might need to invest in staff retention.

For example, Singapore introduced a government training initiative for small and medium enterprises, providing up to 90% course fee funding.

Organisations can leverage the National Silver Academy funding, subsidising 50% of training fees

for individuals aged 50 and above and promoting lifelong learning.

As businesses evolve and require more qualified staff, mature employees who are upskilled, reskilled and retrained can stay relevant in the workforce.

Operating with a multigenerational workforce is easier for companies than dealing with shortages because of retirements and retraining existing employees are more cost-effective than hiring new ones. And, when a company invests in its employees, it signals value, fosters retention and helps attract talent.

Mature employees might be less enthusiastic about learning and development. Some cite age discrimination as a barrier. Even when given the chance, they might hesitate to participate in job-related courses.

guidelines for training senior learners have been developed to create inclusive learning experiences.

There are other ways to assist older e-learners. Providing technical support that boosts learner confidence helps – older people tend to prefer hotlines for one-on-one support – as would additional materials for newcomers and clear organisation and navigation guidelines. Simplifying course navigation with direct hyperlinks might also be helpful.

The fear of learning new things can be addressed once learners' focus shifts from challenges to benefits. Mature workers should see lifelong learning as valuable for career survival as well as for a fulfilling retirement. Organisations can foster this mindset by promoting a culture of lifelong learning.

As Malaysia's retirement age undergoes review, businesses would be wise to consider what fosters an inclusive and supportive learning environment for older workers. Lifelong learning helps older adults stay active and satisfied and helps delay dependency.

As the population ages, lifelong learning also acts as a powerful tool to combat inequality and exclusion and supports inter-generational learning. That in turn builds greater resilience in communities. — 360info™

Sharifah Rose Ee is doing her PhD in Digital Health Technology for Older Populations in Malaysia at the School of Arts & Social Sciences, Monash University Malaysia. Specialising in gerontology, she also conducts the Introduction to the Geragogy Guidelines workshops for Council for Third Age (C3A) Singapore.



TAJUK :	ASSEMBLYMAN HAILS SENIOR CITIZENS AS NAITON'S 'VALUABLE ASSETS'		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	15 OKT 2023	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Kudi hits the gong to mark the closing of the district-level 'Senior Citizens Day 2023'.

Assemblyman hails senior citizens as nation's 'valuable assets'

KAPIT: The senior citizens are the nation's 'valuable assets', in view of their wealth of knowledge and experience.

This was highlighted by Baleh assemblyman Nicholas Kudi Jantai at the closing ceremony of the district-level 'Senior Citizens Day 2023' celebration in the civic centre on Friday.

"They are the 'valuable assets' in society because of their wealth of experience and knowledge, which are treasures of incomparable value.

"I am also happy to see that

those attending this event come from different ethnic groups.

"All of you have demonstrated the true spirit of friendliness and harmony in diversity.

"We want everyone to do away with their differences, and work together in unity," he said.


Later, the assemblyman announced an allocation of RM5,000 for the senior citizens service centre here.

The two-day 'Senior Citizens Day' here was organised by Kapit Welfare Office, in collaboration with the service

centre.

The highlight of the event was the 'Seniors Got Talent' series, where the elderly folks took part in many activities such as the cat show, karaoke challenge, dancing sessions including the 'poco-poco', mass aerobics, traditional games, as well as the 'Gentleman and Lady' pageants.

There was also a talk on dementia presented by Dr Geoffrey Sylvester from Kapit Health Office, as well as a session on online scams facilitated by the district police.



TAJUK : FATIMAH HARAP LEBIH PERUNTUKAN UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA EMAS

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 15 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Fatimah harap lebih peruntukan untuk kesejahteraan warga emas

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti berharap lebih banyak peruntukan disediakan untuk kesejahteraan warga emas di bawah Belanjawan 2024.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia memandangkan populasi warga emas terus meningkat.

“Adalah wajar lebih banyak peruntukan disediakan untuk kesejahteraan warga emas bagi menangani isu-isu kemiskinan, kesihatan, perumahan dan mobiliti yang dihadapi oleh warga emas.

“Ini supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang berkualiti dan bermaruah,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai Belanjawan 2024 Malaysia MADANI yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen, kelmarin.

Pada pembentangan itu Perdana Menteri berkata sejumlah RM1 bilion diperuntukkan untuk melindungi kesejahteraan warga emas antaranya untuk membiayai bantuan tunai dan penyaluran



FATIMAH

dana kepada institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas.

Beliau berkata kerajaan mencajangkan supaya Elaun Bangunan Industri diberikan kepada Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta Warga Emas yang diluluskan Kementerian Kesihatan dengan kadar 10 peratus daripada kos bangunan yang dibina atau dibeli, termasuk kos pengubahsuaian bagi setiap tahun taksiran.

Fatimah berkata, kementerian menyambut baik pengumuman Belanjawan 2024 itu yang terus menyediakan bantuan kebajikan golongan sasaran termasuk golongan miskin, warga emas,

kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU).

“Lebih ramai golongan miskin boleh mendapat manfaat jika indeks garis kemiskinan dinaikkan sewajarnya.

“Memperkasakan orang kurang upaya untuk berdikari adalah cara yang betul ke hadapan namun ia bukan sahaja harus terhad kepada OKU sahaja sebaliknya perlu juga termasuk ibu tunggal dan warga emas,” katanya.

Beliau berkata, kesinambungan bantuan untuk penjagaan OKU yang kehilangan tempat tinggal kronik, OKU tidak dapat bekerja dan elaun untuk pekerja OKU.

“Ia juga mesti termasuk kenaikan elaun untuk penjaga pesakit kronik dan kurang upaya,” katanya.

Anwar pada pembentangan Belanjawan 2024 juga berkata Kerajaan Perpaduan memperuntukkan RM1.2 bilion untuk terus melindungi kesejahteraan dan mendaya upaya OKU pada tahun hadapan.

Beliau berkata ia antaranya untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan seperti penjagaan OKU kronik terlantar, OKU tidak upaya bekerja dan elaun pekerja OKU.



TAJUK :	NIAT WANITA KE TANDAS TERBANTUT, TERKEJUT NAMPAK ULAR TEDUNG HITAM		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 OKT 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Niat wanita ke tandas terbantut, terkejut nampak ular tedung hitam

MIRI: Niat seorang wanita untuk ke tandas terbantut apabila terkejut melihat seekor ular dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Pulau Melayu di sini, pagi kelmarin.

Maklumat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Miri, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.14 pagi bagi meminta bantuan menangkap ular.

“Sepasukan tiga anggota APM diketuai Lans Koperal (PA) Helini Jaman bergegas ke rumah pengadu sejurus menerima panggilan tersebut.

“Setibanya anggota di lokasi kejadian terus berjumpa dengan pengadu berusia 37 tahun untuk bertanyakan keberadaan

ular berkenaan.

“Pemeriksaan pasukan kemudiannya menemui seekor ular tedung hitam sembur dianggarkan sepanjang satu meter berada di belakang tong sampah di dapur rumah,” katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Sejurus itu, pasukan APM berjaya menangkap ular tersebut menggunakan peralatan khas disediakan.

Ular itu kemudiannya dilepaskan ke habitat asalnya yang jauh dari penempatan penduduk.

TANGKAP: Anggota APM menunjukkan seekor ular tedung hitam sembur yang berjaya ditangkap di dapur rumah pengadu.

